

SOALAN NO: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR

TARIKH: 25 MEI 2016

SOALAN:

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dalam menjaga hak kebajikan pekerja apakah perlindungan yang diberi oleh Kerajaan kepada pekerja apabila majikan mereka diisytihar bangkrup atau gulung tikar.

PR-1342-L75392

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Berdasarkan peruntukkan di bawah Seksyen 224 Akta Syarikat 1965, apa-apa tindakan atau pelaksanaan yang dibuat terhadap mana-mana syarikat yang telah dimulakan prosiding penggulungan adalah tidak sah. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat tuntutan

gaji atau apa-apa tuntutan kewangan lain yang tertunggak yang hendak dibuat oleh pekerja ke atas majikan dalam kategori tersebut, maka tindakan untuk memfailkan tuntutan kes buruh tidak diteruskan.

2. Namum demikian, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan membantu para pekerja terlibat dengan menerangkan prosedur yang boleh dibuat oleh mereka melalui Jabatan Insolvensi atau merujuk terus kepada Pemegang Harta atau *Liquidator* yang dilantik oleh mahkamah. Prosedur ini memerlukan pekerja memfailkan borang Bukti Keberhutangan atau '*Proof of Debt*' dan Borang '*Proxy*' ke atas majikan yang mana urusan-urusan tersebut adalah di bawah tanggungjawab dan kelolaan pekerja tersebut sendiri.

3. Selain daripada itu, bantuan kepada pekerja yang terlibat dalam pemberhentian kerja juga dilakukan oleh KSM dengan cara membantu mereka mendapatkan pekerjaan baru melalui portal *JobsMalaysia* dengan memadankan setiap pencari kerja berdasarkan kriteria-kriteria yang diperlukan oleh majikan.